

24 sekolah lagi diiktiraf status SBT

Silver 19/9/14 MS 12.

PUTRAJAYA - Sejumlah 24 lagi sekolah diiktiraf sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT), membabitkan 14 sekolah rendah dan sepuluh sekolah menengah di bawah kohort keempat tahun ini.

Menteri Pendidikan Kedua, Datuk Seri Idris Jusoh berkata pertambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan SBT di seluruh negara sebanyak 115.

"Sehubungan itu, sasaran kementerian membangun dan mewujudkan sepuluh buah SBT setiap tahun dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0 telah tercapai serta melepasi sasaran," katanya pada majlis penyerahan sijil pengiktirafan SBT di sini semalam.

Beliau berkata pengiktirafan itu membolehkan setiap sekolah berkenaan menerima peruntukan khas berjumlah RM700,000 untuk tahun pertama, RM500,000 tahun kedua dan RM300,000 tahun ketiga.

Senarai kali ini katanya, turut menyaksikan Sekolah Kebangsaan Tamil (SKJT) Ladang Rem, Kota Tinggi Johor menjadi SKJT pertama menerima pengiktirafan sebagai SBT.

Menurut Idris lagi, kementerian sangat berpuas hati dengan pelaksanaan dan pencapaian cemerlang 91 SBT terdahulu yang telah diiktiraf pada tahun 2010.

INFO

1. Sekolah Kebangsaan (SK) Tengku Mariam, Johor
2. Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato Penggawa Barat Johor
3. Sekolah Menengah (SM) Sains Kubang Pasu Kedah
4. SM Sains Machang Kelantan
5. SK Convent Pahang
6. Sekolah Berasrama Penuh (SBP) Integrasi Jempol Negeri Sembilan
7. SK Putrajaya Presint 11 (1), Putrajaya.
8. SK Convent Of The Infant Jesus 1 (M), Melaka
9. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Sharifah Rodziah, Melaka
10. SK Sultan Idris II Perak
11. SK Marian Convent, Perak
12. SM Sains Raja Tun Azlan Shah, Perak.
13. SBP Integrasi Gopeng, Perak
14. SK Convent Green Lane, Pulau Pinang
15. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Han Chiang, Pulau Pinang.
16. SMKA Al-Irshad, Pulau Pinang.
17. SK Taman Megah, Selangor.
18. SK Bukit Jelutong, Selangor.
19. SK Sri Petaling, Selangor.
20. Sekolah Menengah Agama (SMA) Persekutuan Kajang, Selangor
21. SBP Integrasi Rawang, Selangor
22. SK Convent Bukit Nanas (1), Kuala Lumpur
23. SJKC Kuen Cheng 2, Kuala Lumpur.
24. Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SKJT) Ladang Rem, Kota Tinggi, Johor

Sehubungan itu kerajaan telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh pelaksanaan SBT sehingga 2015.

Selain itu katanya, dalam usaha memapatkan jurang antara sekolah, SBT perlu menjadi aspirasi dan rujukan kepada sekolah lain untuk membangunkan ke-

cemerlangan ke tahap yang lebih tinggi melalui penanda aras, bimbingan dan jaringan dengan SBT.

"Bagi merealisasikan hasrat tersebut semua SBT dikehendaki menjadi pembimbing kepada sekolah-sekolah angkat yang bukan SBT," katanya.